


130 peserta hadir Bengkel Dakwah Digital

UB . 3.8.2019 B3




HAJI Roslan diiringi Dr. Baharudin Othman menerima cenderamata penghargaan.

JABATAN Pengajian Sepanjang Hayat Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) dengan kerjasama Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Putrajaya anjur Bengkel Dakwah Digital selama dua hari di Dewan Utama IPDAS baru-baru ini.

Seramai 130 peserta terdiri dari pelajar dan pensyarah IPDAS serta guru-guru Kafa sekitar Keningau diberi pendedahan awal mengenai penggunaan media sosial dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), penulisan kreatif (Poster Dakwah) dan pembinaan audio visual (Video Dakwah).

Bengkel dirasmikan oleh Tuan Haji Roslan Mohamad



PERASMI bersama pemenang pertandingan menghasilkan Video Dakwah Digital.

Pengarah SKMM dan diiringi oleh Dr. Baharudin Othman Timbalan Pengarah Akademik IPDAS.

Sesi taklimat penulisan kreatif melalui media sosial serta kesannya terhadap penyebaran maklumat atau berita palsu disampaikan oleh Dr. Syahrudin Hj. Ag. Ahmad pensyarah program Komunikasi di

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKWS), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Manakala slot 'Implikasi Penyalahgunaan Media Sosial Dari Sudut Perundangan' disampaikan oleh Irwan Ahmad Sabtu selaku Ketua Bahagian Kawal Selia dan pemantau SKMM Pejabat Wilayah

Sabah.

Slot Asas Pembinaan Infografik, Asas Pembinaan Audio Visual (Video) dan Pengaplikasian Teknik Phop pula disampaikan oleh Abdul Wafi Abd Rajak wakil dari bahagian Dakwah Jakim.

"Usaha dalam pelestarian budaya dakwah Islamiah di Sabah khususnya perlu

dipergiat.

"Sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, pendakwah seharusnya mengaplikasikan ilmu 'Dakwah Digital' yang diperolehi dari bengkel ini jadikan media sosial sebagai salah satu medium penyebaran dakwah," kata Haji Roslan dalam perasmian penutupan.